

23 MAY 2000

MCA-Politik (Analisis Berita)

KITARAN KRISIS MCA DAN MENGAPA DR LING LETAK JAWATAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Sudah tentu ada banyak sebab di sebalik peletakan jawatan Kabinet oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, lebih daripada apa yang diketahui.

Tetapi juga ada urutan lebih kurang sama kepada krisis dalaman yang pernah menggagalkan MCA sebelum ini iaitu dalam hampir kesemua senario, presiden dan timbalan presiden tidak sehaluan.

Pada 1978, ia kerana perbalahan antara Datuk Lee San Choon dan Datuk Michael Chen yang memisahkan parti itu ke dua kem yang kemudiannya disusuli oleh krisis yang lebih besar dalam tempoh 1984-86.

Apabila Lee San Choon meletakkan jawatan pada 1983 secara mengejut seperti pengumuman Dr Ling semalam, Datuk Dr Neo Yee Pan yang memangku jawatan presiden, berganding dengan Datuk Mak Hon Kam.

Kedua-dua mereka pula terbabit dalam perebutan kuasa dengan satu lagi kumpulan yang diketuai oleh Tan Koon Swan dan parti itu terpaksa ke mahkamah untuk menyelesaikan krisis itu. Pada masa inilah veteran Umno, Ghafar Baba (kini Tun) dipanggil untuk bertindak sebagai orang tengah antara pihak-pihak bertelagah itu, sehinggakan beliau digelar presiden de facto MCA.

Pada 1985, Koon Swan bersama Liong Sik memenangi kedua-dua jawatan tertinggi mengalahkan gandingan Yee Pan-Hon Kam tetapi parti itu tidak lama kemudian menyaksikan satu lagi kejutan.

Koon Swan, yang ketika itu seorang tokoh korporat terkemuka, belum pun sempat memastikan kerusinya sebagai presiden apabila terpaksa melepaskan jawatan itu sembilan bulan kemudian setelah didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi di Singapura atas beberapa tuduhan yang membawa kepada kejatuhan syarikat Pan-Electric.

Tokoh politik yang sedang naik ketika itu kemudian merengkok dalam penjara di Singapura dan ini diikuti oleh satu lagi hukuman penjara yang dijalaninya di sini atas tuduhan yang berkaitan.

Kejatuhan Koon Swan meletakkan Liong Sik ke barisan hadapan berbanding seorang lagi tokoh MCA yang jauh lebih berpengaruh, Datuk Lee Kim Sai, iaitu setiausaha agung yang dikatakan mempunyai sokongan akar umbi yang lebih meluas.

Menurut orang dalaman parti, tindak-tanduk oleh penyokong Koon Swan telah menyebabkan Kim Sai gagal naik ke jawatan presiden seperti yang diramalkan dan apabila beliau menjadi timbalan kepada Liong Sik kemudian, sindrom perbalahan antara presiden dan timbalan president MCA terus berlarutan.

Ah Lek memilih untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum lepas dan dengan itu ramai berpendapat ini akan hanya memperkukuhkan kepimpinan Dr Ling, apa lagi dengan kebanyakan daripada anggota jawatankuasa pusat dikenal pasti sebagai "orang presiden".

Tetapi orang-orang Liong Sik yang beranggapan bahawa Ah Lek hanya menunggu masa dalam parti tersilap dalam penghakiman mereka.

Orang dalaman parti berkata masalah antara kedua-dua mereka semakin menonjol memandangkan kekecewaan yang dinyatakan secara senyap oleh beberapa pemimpin parti dan akar umbi akan kegagalan MCA untuk mendapatkan jawatan tambahan dalam Kabinet selaras dengan kejayaannya dalam pilihan raya.

MCA juga telah menaruh harapan pada jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang tetapi itu juga tidak menjadi kenyataan. Apabila ia cuba berkompromi dengan meminta jawatan timbalan ketua menteri ia langsung tidak dilayan dan pengkritik Dr Ling menyalahkan beliau.

Rasa tidak puas hati dalam parti memuncak semasa mesyuarat jawatankuasa pusat pada 19 April lepas, apabila menurut orang dalaman parti, Liong Sik bertikam lidah dengan Ah Lek dan beberapa lagi pemimpin parti untuk lebih sejam.

Apabila ini tidak berlaku dan sebaliknya anak didik Dr Ling, Datuk Ong Ka Ting dilantik ke Kabinet, Ah Lek menyatakan dengan terus terang perasaannya, kata orang dalam parti.

Dr Ling sendiri semalam mengakui yang masalah itulah yang mendorong beliau meletakkan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan.

Beliau berkata, satu-satunya jalan penyelesaian ialah untuk melepaskan jawatan Kabinet itu untuk membolehkan Kong Choy, calon pilihan Timbalan presiden, dilantik sebagai Menteri penuh -- satu keputusan yang jelas mengejutkan semua orang dalam parti termasuk mereka yang kritikal terhadap Dr Ling.

Walaupun seruan daripada semua lapisan MCA dan juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya beliau menimbangkan semula keputusannya, Dr Ling tetap menekankan yang keputusannya adalah muktamad.

Jika apapun, Dr Ling akan tetap dikenangi dalam sejarah MCA sebagai pemimpin MCA yang meletakkan jawatan Kabinet sedangkan beliau tidak perlu berbuat demikian.

Anggota MCA mungkin boleh menyalahkan beliau terhadap perkara-perkara yang mereka kata beliau gagal mencapai bagi parti, tetapi sudah semestinya bukan kerana tindakan beliau melepaskan jawatan Kabinet.

" Saya gembira untuk berundur selepas mempertimbangkan semuanya. Keluarga saya menyokong saya, tidak kira apa. Apabila sudah tiba masanya untuk berundur baik anda berundur," kata beliau hari ini.

-- BERNAMA

AU PR